

Konsep seni silat Melayu kini perlu dinilai kembali

Oleh TITS
(IBKM, UKM)

RAMAI di antara kita yang mengenali seni silat Melayu dalam kekaburan. Sedikit masa dulu, dalam rancangan Televisyen Malaysia Sudut Seni, beberapa orang tokoh silat telah memberikan beberapa takrif mengenai seni silat Melayu yang agak longgar dan bercanggah di antara satu dengan yang lain.

Ada yang mentafsirkan 'seni' itu sebagai 'keindahan', ada yang mentafsirkannya sebagai 'kebatinan' dan ada yang menganggapnya sebagai 'pembelaan diri yang teratur ataupun tepat'. Mungkin ada juga sekelumit kebenarannya tentang apa yang telah diutarakan oleh mereka itu. Tetapi lebih elok serta berfaedah lagi, kalau takrif 'seni silat Melayu' dapat dirumuskan dengan lebih terperinci agar generasi kita akan datang dapat membezakan di antara seni membela diri yang boleh dianggap sebagai seni silat Melayu dengan yang bukan seni silat.

- 7 JUL 1985
Bela diri

Memang tidak dapat disangkal lagi seni silat Melayu adalah hak asli bangsa Melayu. Kenyataan ini telah disokong oleh beberapa penyelidik dan penulis tentang seni membela diri Melayu.

Mereka memperoleh fakta semua bangsa Melayu yang mendiami Indonesia, Singapura, Filipina dan Selatan Thailand telah mengiktiraf seni silat sebagai hasil ciptaan asli bangsa Melayu. **B. Minggu (M)**

Perkataan 'Melayu' yang dimaksudkan di sini merangkumi dunia Melayu yang lebih luas sebagaimana difahamkan di dalam disiplin se-

jarah dan linguistik.

Dalam hubungan disiplin sejarah, perkataan 'Melayu' dirujuk kepada keseluruhan alam geografikal Kepulauan Melayu iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei, Filipina dan beberapa kepulauan kecil yang berdekatan, di mana penduduk-penduduknya boleh dianggap sebagai satu kaum yang khusus; bertutur dalam bahasa

Melayu dan mempunyai sifat asas keturunan yang sama. Dalam hubungan linguistik pula, 'Melayu' dirujuk kepada kawasan Lautan Teduh yang merentangi dari Easter Island di sebelah Timur hingga ke Madagascar di sebelah Barat.

Oleh kerana betapa luasnya dunia 'Melayu' yang dimaksudkan, seni

membela diri bangsa Melayu telah dikenali dengan pelbagai nama dan panggilan mengikut bahasa dan loghat masing-masing. Sebagai contoh, seni membela diri Melayu di Indonesia dikenali dengan 'pencak silat' sedangkan di Malaysia ia dikenali dengan 'seni silat'.

Walaupun begitu, perkataan 'silat' di Indonesia mahupun di Malaysia

adalah sama di segi penafsirannya. 'Silat' umumnya ditakrifkan sebagai 'membela diri dalam sesuatu perbalahan ataupun pergaduhan'. Dalam disiplin persilatan Melayu, 'silat' diertikan sebagai latihan bersendirian yang bebas di segi pergerakan; ataupun sebagai satu pertandingan yang sebenar dengan seorang musuh.

Perkataan 'silat' di Indonesia mahu pun di Malaysia adalah sama di segi pentafsirannya. Ia ditakrif sebagai cara 'membela diri'.

ULASAN DAN
Pendapat